

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: UPACARA PERASMIAN MESYUARAT AGUNG TAHUNAN MCA YANG KE-46

TEMPAT: DEWAN MCA, JALAN AMPANG, KUALA LUMPUR

TARIKH: 17 JUL 1999

MASA:

Saya ucapkan terima kasih kepada Presiden Parti MCA dan semua anggota Jawatankuasa Pusat Parti MCA kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan MCA yang ke-46 pada hari ini.

2. Sebagai anggota komponen Barisan Nasional prestasi parti MCA pada hari ini amatlah membanggakan. MCA sebagai rakan komponen benar-benar mempunyai ciri-ciri dan nilai-nilai serta memegang pada prinsip yang diamalkan oleh Barisan Nasional. Saya berkata demikian kerana sepanjang dua tahun lalu iaitu sejak negara kita dilanda kegawatan ekonomi dan masalah politik, MCA telah menunjukkan kesetiaan yang kuat dan padu kepada Barisan Nasional. Tidak sedikit pun ternampak parti MCA atau ahli-ahlinya ragu-ragu atau tidak tetap pendiriannya sewaktu negara ditimpa bencana ekonomi dan politik serta ketika Kerajaan mengambil pelbagai tindakan pemulihan yang luar biasa.

3. Dokongan mantap daripada MCA ini telah membantu Kerajaan mengatasi kegawatan ekonomi dan masalah politik dengan mudah dan berkesan. Ketika negara diserang oleh penyangak-penyangak matawang asing, MCA telah menggembleng tenaga masyarakat keturunan Cina Malaysia supaya terus menggiat dan menyemarakkan aktiviti ekonomi negara. Dan ketika UMNO dan orang Melayu menghadapi masalah politik, MCA telah berdiri teguh di sisi UMNO sebagai rakan yang setia yang tetap percaya akan kebijaksanaan tindakan yang diambil oleh rakannya. Tidak ada keraguan di kalangan pemimpin dan ahli MCA akan sebab-sebab tindakan diambil.

4. Sikap parti MCA ini harus dipuji. Dan yang harus menerima pujian yang lebih besar ialah ahli-ahli MCA dari semua peringkat. Jika tidak kerana tuan-tuan dan puan-puan dan parti tuan-tuan dan puan-puan, Kerajaan kita tentu sukar untuk melaksanakan dengan jayanya usaha-usaha memulihkan ekonomi negara dan menyelesaikan masalah politik orang Melayu.

5. Hari ini kita lihat bagaimana negara kita telah berjaya mengatasi masalah kegawatan ekonomi. Yang lebih menggembira dan membanggakan ialah kegawatan ekonomi ini kita atasi mengikut cara kita, cara yang

dicipta oleh rakyat kita sendiri. Kita tidak perlu pertolongan orang asing, kita tidak perlu tunjuk ajar orang luar untuk mengeluarkan negara kita daripada masalah ekonomi ini. Kita bukannya sombong atau hendak mendabik dada tetapi kita percaya dan yakin kepada diri kita sendiri bahawa kita boleh menyelesaikan sebarang masalah kita mengikut cara kita atau stail kita sendiri.

6. Memang mula-mulanya kita dikecam kerana mengambil langkah-langkah yang tidak 'bertamadun', yang 'bodoh', yang boleh merosakkan diri kita sendiri dan bermacam-macam lagi malapetaka yang diramal akan menimpa kita. Tetapi kini terbukti tindakan-tindakan Kerajaan membawa kejayaan demi kejayaan. Sekarang cara Malaysia menangani masalah kegawatan ekonomi ini mendapat pengiktirafan pula. Malah banyak negara asing termasuk negara jiran yang dilanda kegawatan ekonomi dunia berminat untuk mengikuti jejak langkah Malaysia. Tetapi malangnya tangan mereka terikat dan mereka tidak bebas untuk bertindak.

7. Mereka yang dahulu mengecam kita kini terpaksa menarik balik kecaman mereka. Mereka yang dahulu bermati-matian mengkritik kita, kini dikritik pula kerana telah memberi ramalan ekonomi yang salah terhadap Malaysia yang mana ini telah merugikan pelabur-pelabur asing yang berminat untuk melabur di negara kita. Dan mereka yang dahulu mentertawakan kita kini diam membisu kerana malu. Pada hari ini para penganalisa ekonomi asing, media asing, agensi penarafan kredit asing, Bank Dunia dan Dana Kewangan Antarabangsa atau IMF yang dahulu kuat mengkritik negara kita dan meramalkan Malaysia sedang menuju kehancuran kerana tidak mahu menurut mereka dan menerima apa yang dikatakan sebagai bantuan mereka tetapi sebaliknya mengambil langkah-langkah kawalan ekonomi yang keras, kini bersetuju bahawa cara dan pendekatan kita adalah baik dan mampu berjaya. Dan sekarang Kumpulan-8 atau Group of Eight sedang membincangkan bagaimana mengawal pedagang matawang dan membentuk rejim kewangan dunia yang baru, yang mana kita telah syorkan awal-awal lagi.

8. Kawalan matawang secara berpilih dan sementara, penetapan kadar ringgit kepada RM3.80 seDolar Amerika dan kawalan pelaburan dalam Bursa Saham Kuala Lumpur telah menstabil dan mengukuhkan semula kedudukan ekonomi negara kita. Langkah-langkah ini di samping banyak tindakan lain yang diambil oleh Kerajaan seperti mengawal harga barangan keperluan, mengawal inflasi, memudahkan pinjaman kredit, merendahkan faedah, meningkatkan produktiviti dan menambah eksport, telah menyumbang kepada pemulihan ekonomi negara kita lebih awal dan lebih pesat daripada pemulihan di negara-negara lain.

9. Mengikuti unjuran Bank Negara bulan lalu berdasarkan data-data dan kajian maklumat ekonomi dan tertakluk kepada perkembangan luar jangkaan, pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP) bagi tahun ini dijangka mungkin lebih daripada satu peratus yang diramalkan pada tahun lalu atau awal tahun ini. Bagaimanapun, Kerajaan ingin mengambil pendirian yang konservatif dengan mengunjurkan pertumbuhan KDNK akan tetap mencapai sekitar satu peratus. Dan kita mengunjurkan ia akan meningkat sehingga lima peratus pada tahun hadapan.

10. Malangnya ada pihak yang tidak dapat menerima kenyataan ini. Media asing terutamanya masih menidakkan kebenaran pemulihan ekonomi negara, dan mereka disambut oleh pihak tertentu dalam negara. Kita tidak perlu mengambil berat tentang sikap mereka ini. Sepertimana kita semua tahu ramalan mereka tidak pernah menjadi kenyataan. Jika kita semak ramalan mereka dahulu kita akan dapati hampir tidak ada satu pun ramalan buruk mereka terhadap kita yang betul. Demikian mereka meramalkan orang Melayu akan menyamun harta orang keturunan Cina apabila kita merdeka, Malaysia tidak mungkin pulih bahkan akan hancur selepas peristiwa 13 Mei, pentadbiran Malaysia tidak mungkin berkesan dan pembangunan Malaysia tidak akan tercapai, kereta nasional kita akan gagal, ekonomi kita akan merosot kerana kejatuhan nilai ringgit dan tidak akan dapat elak daripada menerima bantuan IMF serta syarat-syaratnya dan banyak lagi. Dan semua ini didapati tidak tepat dan tidak menjadi kenyataan. Apa yang berlaku ialah sebaliknya.

11. Yang menjadi kenyataan ialah rakyat Malaysia hidup harmoni dan terus maju dan makmur, kedai-kedai dan pusat-pusat membelibelah sentiasa dipenuhi orangramai, penjualan rumah dan kereta meningkat, aktiviti pembinaan baik perumahan atau infrastruktur terus rancak, permintaan pekerja terus meningkat, kilang-kilang pengeluaran menambah produktiviti serta meningkat eksport barangan mereka, tempat-tempat peranginan dalam negara dipenuhi pelancong tempatan dan luar negeri dan sebagainya.

12. Jelas sekali kritikan tanpa asas yang dibuat oleh segelintir pihak ini termasuk rakyat kita sendiri serta parti pembangkang, tidak berniat baik dan bertujuan semata-mata untuk memalukan Kerajaan dan menimbulkan rasa benci rakyat kepada pemerintahan yang didokong oleh Barisan Nasional. Golongan ini adalah jenis 'desperado' atau orang kecewa dan iri hati. Mereka ini mahu menggugat kewibawaan Kerajaan Barisan Nasional dengan apa cara sekalipun termasuk menghina, mencaci dan menfitnah serta merosakkan ekonomi negara. Mereka tidak pernah malu bahawa ramalan mereka dan pendapat mereka hampir tidak pernah tepat dan betul dan mereka meneruskan juga dengan ramalan buruk mereka terhadap

negara kita.

13. Mereka, orang asing dengan media mereka ini amat marah jika kita dakwa bahawa mereka tidak jujur dan sengaja menimbulkan masalah bagi memburukkan keadaan di negara kita. Kononnya kerana kita akan adakan pilihanraya maka kita memesongkan pandangan rakyat kepada orang asing untuk menutup kegagalan kita. Kita tidak pernah tunggu pilihanraya. Pada tahun 1997 kita telah menuduh orang asing yang merosakkan ekonomi Asia Timur dan negara kita. Sebelum itu kita telah mengecam percubaan menggunakan WTO untuk melambatkan proses pertumbuhan ekonomi negara membangun. Kita telah mengecam keengganan mereka menolong Bosnia Herzegovina, sekatan dagangan Iraq dan Iran, serta bermacam lagi. Bukan pilihanraya yang mempengaruhi sikap kita dalam kritikan kita terhadap orang asing. Keadilan dan kebenaran yang mendorong kita membuat teguran terhadap sesiapa, kecil atau besar, lemah atau kuat.

14. Dalam semua ini rakyat Malaysia yang setia dan berfikiran waras memberi sokongan padu dan kuat kepada Kerajaan Barisan Nasional. Perbezaan kaum di Malaysia tidak menjadi masalah. Walaupun orang asing mengkritik Dasar Ekonomi Baru (DEB) umpamanya, majoriti rakyat Malaysia keturunan Cina menyokong. Hari ini kita dapat lihat kebijaksanaan DEB. Walaupun negara mengalami kegawatan ekonomi, tidak ada rusuhan kaum yang berlaku. Sebaliknya, hubungan antara kaum terus rapat dan ini memudahkan proses pemulihan ekonomi negara. Sebenarnya orang Malaysia keturunan Cina amat rasional dan tidak tamak. Mereka sanggup berkongsi dengan kaum-kaum lain. Mereka menolong menjayakan DEB dan dasar-dasar serta pendekatan lain dalam usaha kita memperbaiki keadaan sosial dalam negara.

15. Dalam usaha membangunkan negara secara adil daripada segi sosial, ekonomi dan politik, MCA memainkan peranan yang amat penting. MCA bersikap sederhana dan tidak menimbulkan apa-apa masalah dan ketegangan. Saya ingin ucap terima kasih kepada Dato Seri Dr Ling Liong Sik sebagai Presiden MCA yang memberi sumbangan yang banyak dalam Jemaah Menteri dan Kerajaan. Khususnya saya ingin ucap terima kasih dan tahniah kepada Dato Seri Dr Ling sebagai Menteri Pengangkutan yang berjaya memajukan pelabuhan-pelabuhan kita terutama Pelabuhan Kelang yang sudah menjadi 'hub' dan 'load centre' di Malaysia. Saya yakin di bawah kepimpinan Dato Seri Dr Ling, Pelabuhan Kelang boleh menjadi satu daripada sepuluh pelabuhan yang terbesar di dunia. Sekali lagi saya ucapkan tahniah kepada Dato Seri Dr Ling.

16. Saya percaya MCA sedang bersiap sedia untuk bekerjasama dengan parti-parti komponen Barisan

Nasional bagi menghadapi dan memenangi pilihanraya yang akan datang. Saya percaya pengundi Cina akan memberi sokongan kuat kepada MCA dan calon-calon Barisan Nasional. Kita tidak boleh lupa bahawa kejayaan Barisan Nasional disebabkan kerjasama kita, di mana parti-parti komponen Barisan Nasional saling tolong menolong. Apabila calon sudah ditentukan kita akan rapatkan barisan kita dan kita beri sokongan tanpa mengambilkira daripada parti komponen yang mana calon itu datang. UMNO tetap akan menyokong sepenuhnya calon-calon MCA dan calon-calon Barisan Nasional lain, dan saya percaya MCA juga akan berbuat demikian.

17. Inilah formula kita yang telah menjayakan kita sejak kita merdeka, bahkan sebelum itu. Sekarang ini ramai yang ingin meniru formula ini. Pihak parti-parti lawan kononnya sudah bentuk pakatan parti lawan. Tetapi mereka hanya berbuat demikian apabila pilihanraya hendak diadakan. Walaupun mereka cuba bentuk manifesto untuk masa depan, kita tahu ini hanyalah untuk mengabui mata pengundi. Mereka akan bersetuju dengan apa sahaja untuk memenangi pilihanraya. Selepas pilihanraya, menang atau kalah, mereka akan belakangkan manifesto mereka. Demikian selepas pilihanraya janji PAS kepada Semangat 46 dilupakan.

18. PAS rela gugurkan apa yang mereka dakwa adalah perjuangan mendirikan 'Negara Islam' untuk mendapat sokongan DAP semasa pilihanraya. Apakah PAS benar-benar menggugurkan 'Negara Islam' ala PAS jika mereka menang? DAP pula berhasrat mengembalikan 'Malaysian Malaysia' dan PAS terima 'Malaysian Malaysia' DAP. Apakah DAP ikhlas untuk mengekalkan layanan istimewa bagi Bumiputera? Kemudian datang pula parti KeAdilan dan Parti Rakyat Malaysia Sosialis yang sanggup menyokong apa saja untuk mendapat undi. Bolehkah pakatan seperti ini mendirikan Kerajaan?

19. Ada juga sebilangan kecil orang Cina yang suka beri tempat kepada 'opposition' untuk 'political balance'. Tetapi mungkin ini akan menyebabkan semua 'overbalance' dan Barisan Nasional tidak mendapat majoriti dua per tiga. Jika Kerajaan lemah kerana majoriti yang kecil, kita tidak akan dapat melaksanakan tindakan yang penting untuk pemulihan ekonomi kita. Kerajaan perlu kuat untuk bertindak mempertahankan ekonomi negara ini. Oleh itu MCA hendaklah menentukan sokongan bulat didapati daripada kaum Cina dalam pilihanraya akan datang.

20. Saya percaya MCA akan berusaha bersungguh-sungguh untuk menjayakan Barisan Nasional. Masih banyak yang perlu kita buat untuk membangunkan negara kita Malaysia. Untuk ini hanya Barisan Nasional sahaja yang boleh menjayakannya. Kejayaan Barisan Nasional bergantung kepada semua parti komponen. Sebagai parti

komponen dalam Barisan Nasional, MCA saya yakin akan memberi sumbangan dan kerjasama yang tidak berbelah bagi kepada parti kita, Barisan Nasional.

21. Dengan ingatan dan harapan yang tinggi ini, saya dengan segala sukacitanya merasmikan Mesyuarat Agung Tahunan MCA yang ke-46.